

MB Kedah diarah bayar RM50,000 kerana fitnah Mahfuz

Oleh [BERNAMA](#) - November 8, 2021 @ 4:08pm



Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor (kiri) dan Datuk Mahfuz Omar. - Foto NSTP

KUALA LUMPUR: Mahkamah Tinggi di sini hari ini, memerintahkan Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor, membayar ganti rugi RM50,000 kepada Ahli Parlimen Pokok Sena, Datuk Mahfuz Omar, berhubung kenyataan fitnah melalui hantaran Facebook, dua tahun lepas.

Pesuruhjaya Kehakiman, Datuk Mohd Arief Emran Arifin, membuat perintah itu selepas membenarkan saman fitnah dikemukakan Mahfuz selaku plaintif terhadap Muhammad Sanusi sebagai defendan.

Peguam, Noorazmir Zakaria, yang mewakili Mahfuz, berkata mahkamah memerintahkan Muhammad Sanusi membayar ganti rugi tersebut dalam tempoh 14 hari mulai hari ini.

"Mahkamah juga memerintahkan defendan (Muhammad Sanusi) menulis permohonan maaf kepada plaintif di laman Facebook milik defendan dalam tempoh 14 hari dan memerintahkan defendan membayar kos tindakan guaman kepada plaintif berjumlah RM15,000.

DISYORKAN UNTUK ANDA

- **Bekas pemandu Zahida Rafik kena pulangkan duit RM200,000**
- **Guan Eng mohon injuksi halang Raja Petra keluar kenyataan fitnah**
- **Aktivis diperintah bayar RM150,000 kepada Mufti Perlis**
- **Hasan Ali nafi terima tajaan UMNO, BN, KBS untuk ceramahnya**

"Perintah-perintah lain yang dikenakan ialah satu injuksi menegah defendan atau ejen-ejennya daripada menerbitkan kata-kata fitnah terhadap plaintif pada masa hadapan," katanya ketika dihubungi

TERKINI

PILIHAN PEMBACA

- 13m [Bursa Malaysia meningkat semula](#)
- 14m [Usah jadi pak turut sebar dakyah kotor 'tentera siber'](#)
- 25m [Dagangan ringgit dibuka rendah](#)
- 30m [Agenda Nasional Malaysia Sihat dilaksana selama 10 tahun](#)
- 44m [Jualan kenderaan mencemar dihentikan menjelang 2040](#)
- 46m [KDNK suku ketiga Malaysia dijangka lemah](#)
- 50m [Perdana Menteri lancar Agenda Nasional Malaysia Sihat](#)
- 50m [Pogba cedera, makin hampir tinggalkan United](#)

VAKSIN



NASIONAL Nov 10, 2021 @ 2:37pm

Vaksin tempatan bakal dilengkapi sijilan halal JAKIM




NASIONAL Nov 10, 2021 @ 12:42pm

Tak vaksin: Belum ada penjawat awam dikenakan tindakan



NASIONAL Nov 10, 2021 @ 12:19pm

78 kematian akibat COVID-19



ASEAN Nov 8, 2021 @ 7:26am

Video antivaksin kumpulan 'Healing the Divide' dipadam



ASIA Nov 7, 2021 @ 2:12pm

China tingkat kesiapsiagaan perangi COVID-19



AMERIKA Nov 7, 2021 @ 10:10am


Mahkamah AS gantung sementara mandat vaksin sektor perniagaan

TRENDING



ASIA 2 jam yang lepas

India kerah ribuan tentera ke Kashmir



KES 3 jam yang lepas

Panik jumpa dua topi keledar

pemberita melalui aplikasi WhatsApp selepas keputusan kes saman itu yang berlangsung secara dalam talian, hari ini.

Prosiding itu turut disertai peguam Yusfarizal Yussoff dan Mohd Faizi Che Abu yang mewakili Muhammad Sanusi.

Perbicaraan kes itu berlangsung pada 26 Ogos lalu dengan dua saksi plaintif termasuk Mahfuz dan seorang saksi defendan iaitu Muhammad Sanusi telah memberi keterangan.

Pada 9 Oktober 2019, Mahfuz memfailkan saman itu berdasarkan hantaran yang dibuat oleh Muhammad Sanusi dalam akaun Facebooknya pada 30 Julai 2019, yang mengaitkan Mahfuz selaku wakil rakyat bagi kawasan Pokok Sena dalam isu pemindahan Sport Toto ke kawasan itu.

Mahfuz juga mendakwa Muhammad Sanusi menerbitkan satu video berdurasi 7 minit 57 saat di akaun Facebooknya pada 27 Julai 2019, yang memaparkan sekumpulan individu membantah pembukaan Sport Toto di Pokok Sena sambil memegang sepanduk yang tertera nama plaintif. – BERNAMA



SELEBRITI Nov 10, 2021 @ 7:37pm

Ismail 'kantoi' curang enam kali?



NASIONAL Nov 10, 2021 @ 3:48pm

CUEPACS tuntutan pencen lebih adil kepada semua penjawat awam

MYRESIPI



TIPS & PETUA 25 minit yang lepas

Cara Masak Nasi Sihat Tanpa Kanji, Elok Untuk Diabetes & Banyak Lagi Kelebihan Lain



TIPS & PETUA Nov 10, 2021 @ 2:49pm

Tip Pilih Pes Tom Yam Paling Sedap & Pekat, Nampak Sama Tapi Rasa Lain-Lain



TIPS & PETUA Nov 10, 2021 @ 12:56pm

Petua Simpan Taugeh Supaya Tahan Lama, Dah Berminggu Pun Kekal Segar & Tak Hitam



RESIPI Nov 10, 2021 @ 10:00am

Resipi Ayam Goreng Berempah Kesukaan Anak-Anak, Isi 'Juicy' Kalah Kedai Mamak



RESIPI Nov 9, 2021 @ 3:20pm

Cara Buat Sira Roti, Resipi Legend Turun-Temurun. Makan Sejuk-Sejuk Sedap Sangat!

BERITA BERKAITAN



Najib Razak 4 hrs · 🌟

Saya telah mengarahkan peguam memfailkan saman fitnah terhadap Pua Kiam Wee serta pemilik MediaRakyat.net, Chan Chee Kon. Tindakan ini diambil kerana ada pihak yang terus melemparkan pembongkaran yang boleh menjejaskan pandangan terhadap saya dan keluarga.

Kita tidak boleh membiarkan pembongkaran dan fitnah berterus

Like · Comment · Share


JENAYAH / MAHKAMAH / TRAGEDI

Dis 23, 2015 @ 1:21pm

Mahfuz kena bayar RM200,000 fitnah Hasan Ali

NASIONAL Mac 6, 2015 @ 10:23pm

1MDB: Najib jelaskan kenapa saman Tony Pua, MediaRakyat



JENAYAH / MAHKAMAH / TRAGEDI

Ogs 21, 2015 @ 3:58pm

Linda Onn, Suria FM diperintah bayar ganti rugi kepada MOY



NASIONAL Mac 11, 2021 @ 1:46pm

Ismail Sabri saman bekas Ketua Wanita BERSATU

OHBULAN



MILLER KHAN 35 minit yang lepas

Nikah Di Bali, Miller Khan Sah Bergelar Suami Farina Rebecca



SEKOLAH BARU 4 jam yang lepas

Pernah Viral Dakwa Guru Buat Lawak Lucah, Ain Husniza Gembira Dah Pindah...




KINI TRENDING Nov 10, 2021 @ 7:23pm

[VIDEO] Kantoi Tak Balik Rumah, Isteri 'Tangkap' Suami Dengan Kawan Sekerja...



WATER HEATER Nov 10, 2021 @ 6:59pm

[VIDEO] Homestay Tak Sediakan Seterika, Suami Gigih 'Gosok' Tudung Isteri Guna...



HUTANG Nov 10, 2021 @ 4:31pm

Tetap Bayar Hutang Walau Hanya Mampu RM7, Lelaki Ini Terharu Dengan Penghutang...

SIRAPLIMAU



PERCUTIAN 37 minit yang lepas

Pusing KL Naik KL Hop On Hop Off,